



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

12 Jan 2021 (Selasa)

Berita Harian

AJL35 SOP ketat 1

Utusan Malaysia

Kebun sayur unik dijana komuniti 2

Kesal dilabel kumpulan gerila pembunuh anjing 3

Harian Metro

Selangor beli 5 juta dos vaksin Covid-19 4

AJL35 tukar lokasi 5

Kosmo

'Kami bukan gerila pembunuh anjing' 6

RM1.63 juta dibelanja baiki jalan di Klang tahun lalu 7

Sinar Harian

Kerajaan negeri unding semula dengan penjaja 8

Selangor peruntuk hingga 5 juta dos vaksin 9

Tujuh wajah baharu angkat sumpah ahli majlis MDHS 10

1,000 sertai acara jalan kaki maya 11

Selangor TV

20 ahli majlis MPKj angkat sumpah jawatan 12

The Star

COUNCIL MATTERS 13

PARK ACTIVITIES 14

Proposal to rent apartments to B40 group shot down 15

Rina Harun joins Tok Pa on Covid-19 patient list 16

Make assessment billing digital in stages, MBPJ urged 17

Don't abuse position, councillors warned 18

Four new faces among 24 sworn in as MBPJ councillors 19

The Edge CEO Morning Brief

Privotal forfeiture verdict on PKFZ case on Wednesday at Federal Court 20

Sin Chew Daily

1 MPKj member who was absent from swearing in ceremony is infected 21

1,097 MPKj staff members screened for Covid-19 22

11 MBPJ members tested positive for Covid-19; Mayor : Will take stricter measures for pandemic prevention 23

MB : Selangor plans to buy 5m vaccines to benefit citizens and foreign labourers 24

Community infections after Christmas; 22 Confirmed Covid-19 cases in Teratai 25

Hard to bear operational costs due to Covid-19 pandemic's impacts; Sasaran art gallery to collect nominal fees 26

Nanyang Siang Pau

Upstream of Cheras Taman Murni, RM1.6 million allocated for flood protection 27

To allow businesses to work at ease, Sekinchan's fisher's hut to obtain temporary land lease 28



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Makkal Osai

Selangor govt to buy 5 million doses of Covid-19 vaccines
Five indians appointed as Kuala Langat municipal council members

29
30



KERATAN AKHBAR 12 January 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	AJL35 SOP ketat
Muka Surat	:	43



AJL35 SOP ketat

Tukar lokasi, hadkan kru
elak kejadian tidak diingini



Khairul Anwar

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Akur situasi semasa dengan semua pihak berusaha mengekang penularan pandemik COVID-19, Anugerah Juara Lagu (AJL) Ke-35 pada 7 Februari depan, dikendalikan dalam norma baharu.

Banyak perubahan dibuat mengikut prosedur operasi standard (SOP) antaranya tiada penonton dan lokasi acara ditukar dari Axiata Arena, Bukit Jalil ke Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Selangor.

Premis baharu dipilih atas faktor kapasiti kru dan pihak yang terlibat dalam produksi AJL35 dikurangkan.

Sehubungan itu, Auditorium MBSA dipilih berikutan saiznya yang lebih kompak dan sangat sesuai dalam memenuhi SOP.

Mengulas lanjut perubahan lokasi itu, Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima dan Primeworks Studios, Datuk Khairul Anwar Salleh, berkata kerjasama antara MBSA dan TV3 meyakinkan TV3 mementaskan AJL35 dari auditorium majlis bandar raya itu. "Sepanjang pandemik COVID-19, kami banyak membuat kerja produksi dengan MBSA. "Saya yakin dengan bantuan mereka dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mengawal selia SOP ditetapkan, AJL35 akan lancar," katanya pada sidang media virtual AJL35 kelmarin.

Khairul Anwar menambah TV3 bertuah dapat menggunakan Auditorium MBSA yang baru diubah suai. "Kami akan memanfaatkan kelebihan itu dengan sebaik mungkin untuk menghasilkan persembahan menarik dan menghiburkan," katanya. Sementara itu, Penerbit Eksekutif AJL35, Nurhul Huda Khalid berkata, biarpun AJL35 beralih ke lokasi kecil, pihaknya memberi jaminan acara pencarian Juara Lagu itu akan menyajikan hiburan terbaik kepada penonton.

"Berikutan AJL35 dianjurkan tanpa penonton, kita putuskan mengubah lokasi dari Axiata Arena, Bukit Jalil ke Auditorium MBSA. "Lokasi baharu lebih kompak dan sesuai untuk acara yang tidak memerlukan had kapa-

siti ramai.

"Biarpun berubah tempat, ia tidak membataskan kami untuk menyajikan persembahan terbaik kepada penonton," katanya.

Selain itu, tambah Nurhul Huda, kali ini, penganjur menetapkan syarat kepada setiap finalis agar tidak menonjolkan elemen yang boleh mencetuskan kontroversi dalam persembahan mereka.

Sehubungan itu, finalis perlu menandatangani aku janji bagi memastikan kontroversi aksi di pentas seperti tahun lalu, tidak berulang.

"Tahun ini, produksi mewajibkan setiap peserta menandatangani surat perjanjian sebagai langkah berjaga-jaga.

"Sebelum ini, kita ada menetapkan syarat elemen dibenarkan atau dilarang untuk ditonjolkan dalam elemen persembahan finalis.

"Cuma kali ini, kita mahu dibuat secara bertulis," katanya.

Nurhul Huda berkata, surat aku janji itu disediakan Jabatan Undang-Undang yang antara lain menetapkan syarat seperti tiada unsur politik, keganasan dan paksaan yang mencolok mata," katanya.

Tahun lalu, malam kemuncak AJL34 menjadi perdebatan netizen apabila persembahan Aina Abdul dan kumpulan Drama Band didakwa tidak sesuai untuk tontonan umum.

Pada sidang media sama, Awal Ashaari, Sherry Alhadad dan Haziq Hussni diumumkan pengacara AJL35.

Sissy Imann dan Shuk Sahar pula diamanahkan mengendalikan segmen karpet merah atau 'Lounge AJL35'.

Kali kedua bergandingan dengan Sherry dan Haziq, Awal perlu mendapatkan banyak input terutama maklumat berhubung komposer, penulis lirik dan penyanyi bertanding.



"Saya tidak risau digandingkan dengan Sherry dan Haziq. Selain kehebatan masing-masing, pengetahuan dalam bidang muzik umpama makanan mereka

"Lebih-lebih lagi Haziq yang boleh diibaratkan Wikipedia kerana menghafal semua maklumat berkaitan.

"Selain mengukuhkan keselesaan antara kami, saya kena tambah pengetahuan berhubung maklumat informasi peserta supaya seimbang. Inilah yang menjadi cabaran saya," katanya.

Mengelak perkara berbangkit, Haziq juga menyampaikan Hot FM memberitahu, mereka akan lebih berhati-hati terutama dari segi dialog dituturkan.

"Kita faham, dalam situasi sekarang ramai yang agak sensitif dan mudah tersentuh.

"Jadi, kami sentiasa beringat supaya tiada elemen menyindir, lawak memperسدakan fizikal atau tubuh.

"Kita juga perlu pastikan maklumat dalam skrip yang menyentuh isu semasa seperti pandemik COVID-19, bencana banjir dan politik tidak mengguris hati sesiapa," katanya.

Bagi Sherry pula, pengalaman mengendalikan malam kemuncak AJL tanpa penonton memberi cabaran tersendiri.

"Biasanya, apabila kami buat lawak, aura penonton akan memberi lebih semangat. Tapi kali ini, suasana pasti berbeza.

"Mujur ketika mengendalikan program Separuh Akhir Muzik Muzik (SFMM) Ke-35 tempoh hari, saya dapat pengalaman berharga.

"Ketika itu, saya menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklum balas segera penonton.

"Peminat beritahu, saya kena lebih fokus dengan kamera kerana walaupun tiada penonton di studio. Kita tahu mereka ada di luar menyaksikan

INFO

- » Dipancarkan secara langsung oleh TV3 pada jam 9 malam pada 7 Februari depan, AJL35 boleh ditonton secara strim menerusi tonton.com.my serta YouTube TV3 Malaysia.
- » Maklumat lanjut mengenai AJL35 boleh didapati di laman web www.anugerahjuaralagu.com.

kan kami," katanya.

Sherry berkata, mereka juga perlu berhati-hati ketika berjenaka bagi mengelak ada pihak tersinggung dan terasa.

"Penjarakan fizikal juga kena jaga. Kadang-kadang apabila kita berlawak, secara tidak sengaja kita mencuit pasangan kita.

"Jadi, kenalah kawal agar tidak berlaku perkara seperti itu," katanya.

Selain 12 lagu bertanding, AJL35 turut menyajikan persembahan pembuka tirai oleh Ella, Naim Daniel dan Yonyboii.

Selain itu, dua pertama kali, sebuah lagu istimewa nyanyian Faizal Tahir, Jaclyn Victor, Siti Nordiana dan Tuju yang berjudul *Baik Semula*, akan dipersembahkan.

Lagu berkenaan berkisar situasi yang berlaku di Malaysia sekarang.

Selain itu, persembahan interlude AJL35 bertemakan Projek Bas akan menampilkan Hujan, Hazama & The Penglipur Lara dan Akim & The Majistret. Semua band ini akan mempersembahkan aksi medley dan *mash up* lagu terbaik mereka sambil bergandingan dengan Misha Omar, Dayang Nurfaizah dan Ziana Zain.

Seperti tahun sebelumnya, AJL35 turut menyajikan program khas Debaran AJL35 berdurasi sejam yang akan dikendalikan Sherry dan Haziq pada jam 5.30 petang, 6 Februari depan.

Turut disajikan Festival Muzik AJL yang menemui penonton setiap Ahad mulai kelmarin, mulai jam 11 malam.

Bakal disiarkan selama empat minggu, program ini dikendalikan oleh Awal bersama hos jemputan seperti Charmaine Augustin, Rina Khan, Ally Iskandar dan Fara Fauzana.

Lokasi baharu lebih kompak dan sesuai untuk acara yang tidak memerlukan had kapasiti ramai.

Nurhul Huda Khalid,
Penerbit Eksekutif AJL35



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kebun sayur unik dijana komuniti
Muka Surat	:	24



ADUN Sungai Ramal, Mazwan Johar (dua kanan) melihat kebun komuniti penduduk selepas majlis perasmian Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi, Selangor. Bawah kiri: Pengarah Pendidikan Seksyen 8 Prima, Mohd. Safwan Radzali (tiga kanan) - UTUSAN/FAISOL MUSTAFFA



Kami juga mahu menolong penduduk kurang berkemampuan untuk mendapatkan produk tani pada harga murah menerusi program Laman Dapur tanpa perlu ada orang tengah

MOHD. SAFWAN



MAZWAN Johar (dua kiri) melakukan gimik melepaskan bunyi di dalam sebagai simbolik perasmian dalam majlis perasmian Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi.

Kebun sayur unik dijana komuniti

OH AMREE AHMAD
 @amreeahmad

BAYANGKANLAH sedikit keci padang permataman kanak-kanak yang subur dibesir dengan kacang butiro, cil padi, peria, kangkung, kailan, rimun jepun, tonosu dan kacang panjang. Bukan sahaja "metal" butira perbagi jenis sayur-sayuran, malah sebuah lokan kecil ternakam ikan air tawar turut terdapat di tepi kawasan padang rekreasi awam seluas empat hektar itu.

Bagaimanapun, ia bukan hasil kerja bersendirian. Sebaliknya usaha bersama ribuan warga pertumahan Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi, Selangor yang bermula akhir Ogos lalu.

"Ya terotot apabila rami penduduk kerja dari rumah susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)" kata pengarah awarta yang juga Pengarah Projek Kebun Komuniti, Mohd. Said Jaafar.

Justeru apinya, menyuarat kali pertama awal lalu lalu menyuarakan perubahan Biro Kebun Komuniti dan disertai 10 ahli sebelum mendapat kelulusan dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ). Pihak berkuasa tempatan itu bahkan mengizinkan Perastasi Komuniti Seksyen 8 Prima yang dipengerusikan Mohd. Safwan Radzali bagi mengasahakan satu perlima

zon padang tersebut. "Kebetulan lokasinya terletak strategik di tengah perumahan ini dan kami mula gotong royong sebulan kemudian dengan inisiatif dari sendiri," jelas Mohd. Said yang kini berusia 61 tahun.



MOHD. SAID JAAFAR



ORANG ramai menyumbang projek Kebun Komuniti Seksyen 8 pada majlis perasmian Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Usahakan tanaman kontan, jual lebih murah

MEREAHA memilih tanaman jenis kontan dan komersial kerana ia mudah ditanam serta boleh dipetik dan dijual di kedai atau kepada para penduduk dengan harga lebih murah daripada pasaran.

Selain itu kata Mohd. Said, beberapa pokok buah antaranya mentawan dan nenas turut ditanam di lereng padang berkenaan membolehkan penduduk setempat menikmati buah-buahan moden bagi mengisi kawasan lapang. Usaha gigih mereka turut

menarik perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Ramal, Mazwan Johar yang ahli hafid menyerahkan kebun komuniti itu sambil memohon tegasi di situ, baru-baru ini.

Bekas ketua berajuri sedia menyerahkan bantuan kewangan dan membekalkan sara-syukur projek itu turut dilawati Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat bagi memberi khidmat nasihat. Komuniti erat hubungannya

Dalam pada itu, Mohd. Jaafar, 61, ketika ditiru berkata, sebulan itu yang dibekas awal 2009 lalu mengandungi lima fasa dan merupakan persembahan serta terbesor di Bandar Baru Bangi.

Dengan 64 unit kediaman dan lebih 1,000 penduduk, kebun komuniti itu bukan sekadar 'suka' mereka bertani, malah mengorganisasi perhubungan masyarakat dan amalan gaya hidup 'what-what'.

"Kami juga mahu

menolong penduduk kurang berkemampuan untuk mendapatkan produk tani pada harga murah menerusi program Laman Dapur tanpa perlu ada orang tengah."

Bekas yang berhasrat sebagai Pengarah Terasan Eksplo Pertanian Malaysia Serdang (MAKPS) berkhata, beliau juga pihak luar turut berminat menjadi rakan strategik antaranya Nis Agro Farm.

ini membekalkan kebun komuniti tersebut dapat menanam tanaman bernilai tinggi dengan kerjasama syarikat terkawal berpusat di serdang. Selangor itu dan dipasarkan ke seluruh negara.

"Pevatan ini berbang, jika aktiviti kebun komuniti berjaya, kami dapat mewujudkan platform e-dagang menerusi hagi jual segala hasil tani dengan lebih baik lagi," tambah Mohd. Jaafar.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kesal dilabel kumpulan gerila pembunuh anjing
Muka Surat	:	33

Kesal dilabel kumpulan gerila pembunuh anjing

SHAH ALAM: Kumpulan peniaga di Seksyen U12 di sini kesal apabila dilabelkan sebagai kumpulan gerila pembunuh anjing disebabkan tindakan mereka mengadu kepada pihak berkuasa agar anjing-anjing liar di kawasan komersial tersebut ditangkap.

Wakil kumpulan tersebut, Muhammad Fathi Ismail berkata, isu tersebut timbul apabila seorang peniaga di sini telah diserang 20 ekor anjing liar hingga luka parah di kepala di kawasan itu semasa menuju ke keretanya.

Menurutnya, tindakan yang diambil kumpulan peniaga ialah menghalau anjing yang sedang menyerang mangsa sebelum membawanya ke hospital untuk menerima rawatan.

"Selepas kejadian tersebut, salah seorang peniaga di sini sekadar suka-suka menggelarkan kumpulan peniaga yang membantu mangsa tersebut dalam hantaran akaun Facebook beliau sebagai kumpulan gerila khas yang wujud untuk memastikan tiada anjing liar berada di kawasan tersebut.

"Namun, tindakan ini telah disalah tafsir dan menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan netizen apabila gambar kami dalam *Animal News* tersebut dipaparkan bersama gambar lain termasuk beberapa ekor anjing yang rebah dan berbuih mulutnya yang tidak diketahui sumbernya di dalam Facebook *Malaysia Dogs Deserve Better* (MDDB).

"Walhal, kesemua anjing liar tersebut telah ditangkap oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kaedah sumpitan ubat pelali dan dan gambar anjing mati diracun yang dipaparkan tiada kaitan dengan peniaga," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 January 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor beli 5 juta dos vaksin Covid-19
Muka Surat	:	5

Selangor beli 5 juta dos vaksin Covid-19

Sungai Besar: Kerajaan Selangor bercadang membeli sebanyak tiga hingga lima juta dos vaksin Covid-19 bagi mengawal penularan, sekali gus memutuskan rangkaian jangkitan wabak terbabit di negeri ini.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, langkah itu bertujuan memastikan kesihatan rakyat di negeri ini terus terjamin selain memastikan bekalan vaksin Covid-19 mencukupi.


"Selangor perlu membeli (vaksin Covid-19) sebab keperluannya lebih kerana industri negeri memerlukan pekerja termasuk pekerja asing.

"Setakat ini, vaksin Covid-19 disediakan kepada warganegara namun mereka (pekerja asing) perlu membeli vaksin terbabit," katanya ketika ditemui di majlis perasmian Dataran Patriotik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam di sini, semalam.

Menurutnya, pembelian vaksin itu juga akan dibincangkan dengan Kerajaan Persekutuan selain dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Rabu ini.

Ditanya mengenai langkah diambil kerajaan negeri susulan Selangor mencatatkan bilangan kes Covid-19 harian tertinggi, beliau berkata, pihaknya sudah mengadakan mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negeri, minggu lalu.

Katanya, beberapa perancangan dan pelan tertentu masih dalam tindakan na-



Selangor perlu membeli (vaksin Covid-19) sebab keperluannya lebih kerana industri negeri memerlukan pekerja termasuk pekerja asing"

Amirudin

mun sebahagiannya perlu mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kita akan cuba membantu MKN kerana ketika ini suasana berbeza memandangkan Selangor dan beberapa negeri mencatatkan kes tertinggi terutama membabitkan pekerja kilang dalam kalangan warga asing yang disaring.

"Sebelum ini, mereka (pekerja asing) tidak disaring. Apabila Selangor antara negeri mewajibkan pekerja asing disaring, akhirnya kita mendapat kes tertinggi," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 January 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	AJL35 tukar lokasi
Muka Surat	:	29

HARIAN METRO
 SELASA 12 JANUARI 2021

RAP | 29

SHERRY Alhadad



HAZIQ Hussni



AWAL Ashaari



Oleh **Ridzuan Abdul Rahman**
 mohamadridzuan@hmetro.com.my

Tidak lagi berlangsung dari Axiata Arena, Bukit Jalil seperti perancangan asal. Sebaliknya Anugerah Juara Lagu 35 (AJL35) yang dijadualkan berlangsung pada 7 Februari depan akan dipancarkan dari Auditorium Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA), Shah Alam.

Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima dan Primeworks Studios, Datuk Khairul Anwar Salleh berkata, keputusan ini dibuat sebagai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) untuk mengawal pandemik Covid-19.

"Kerjasama kami dengan MBSA bukanlah baru dan TV3 yakin untuk mementaskan AJL35 di situ. Malah, sepanjang tempoh penularan Covid-19 ketika ini, TV3 banyak membuat kerja produksi dengan MBSA.

"Urusan SOP dan penyelenggaraan berjalan dengan baik. Hubungan dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui MBSA juga menjanjikan kita dapat menjalankan sebuah produksi yang kita mahukan. Walaupun

AJL35 TUKAR LOKASI

Acara dijadualkan pada 7 Februari depan akan berlangsung dari Auditorium Majlis Bandar Raya Shah Alam



Walaupun tak sebesar Axiata, tak bermakna MBSA kecil. Lokasi ini biasa digunakan untuk buat persembahan besar

KHAIRUL ANWAR

tidak sebesar Axiata, tak bermakna MBSA kecil. Lokasi ini biasa digunakan untuk buat persembahan besar," katanya.

Menurutnya, Auditorium MBSA baharu sahaja selesai menjalani proses ubah suai dan TV3 akan memanfaatkannya untuk menampilkan persembahan yang menarik dan menghiburkan.

Sementara itu, Penerbit Eksekutif AJL35, Nurhul Huda Khalid berkata, pertukaran lokasi dibuat kerana AJL35 dianjurkan tanpa penonton dan sesuai dengan saiz premis kompak yang memudahkan pelaksanaan SOP.

"Selama Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) memang tiada penonton untuk sebarang rakaman atau siaran langsung di TV3. Walaupun tempat kecil atau padat, kami tetap akan menyajikan persembahan menarik daripada finalis dan segmen pembukaan serta interlud," katanya.



Saya juga lihat 12 finalis masih bersemangat 'untuk buat persembahan cara tersendiri sama seperti musim lalu

NURHUL HUDA

Menurutnya, tema dan objektif AJL kali ini lebih kepada menaikkan semangat rakyat Malaysia sejak berlakunya Covid-19 dan banjir baru baru ini.

"Rentetan itu tercetus idea untuk menghasilkan lagu baharu berjudul Baik Semula ciptaan Faizal Tahir dan rakan-rakannya. Ia bukan lagu tema tapi berkaitan dengan suasana sekarang dan ia akan bekerjasama dengan AJL. Lagu ini akan dimulakan siarannya pada minggu depan menerusi platform radio dan digital," katanya.

Nurhul Huda berkata, lagu ini akan ditampilkan sebagai persembahan pembukaan AJL35 nanti.

"Saya juga lihat 12 finalis masih bersemangat untuk buat persembahan cara tersendiri sama seperti musim lalu," katanya.

AJL35 akan menampilkan Awal Ashaari, Sherry Alhadad, Haziq Hussni sebagai Hos Utama, manakala Sissy Imann dan Shuk Sahar pula sebagai hos Karpel Merah.

AJL35 boleh ditonton secara strim di tonton.com.my serta YouTube TV3 Malaysia. Maklumat lanjut mengenai AJL35 boleh didapati di laman web www.anugerahjuaralagu.com.



KERATAN AKHBAR 12 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Kami bukan gerila pembunuh anjing'
Muka Surat	:	12

'Kami bukan gerila pembunuh anjing'

SHAH ALAM – Para peniaga di Pusat Komerเชียล di Seksyen U12 di sini kesal dilabelkan ahli gerila pembunuh anjing oleh satu kumpulan pencinta haiwan, menerusi laman rasmi Facebook mereka, baru-baru ini.

Kesemuanya bermula apabila seorang peniaga di kawasan berkenaan, Muhd. Zikri Mui, 48, parah di kepala akibat diserang sekumpulan 20 anjing liar.

Wakil peniaga, pusat komersial berkenaan, Muhammad Fathi Ismail berkata, susulan kejadian tersebut pihaknya telah membuat aduan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berhubung ancaman anjing liar sebelum pihak berkuasa tempatan itu menangkap kesemua haiwan itu.

Katanya, seorang daripada peniaga kemudiannya sekadar bergurau mengelarkan kami gerila khas dalam memastikan tiada anjing liar di kawasan ini menerusi hantarannya di akaun Facebooknya.

"Perkara itu kemudiannya didapati dimanipulasi kumpulan pencinta haiwan itu dengan memaparkan suntungan gam-

bar operasi tangkapan MBSA selain anjing mati diracun serta gambar kami sedang berbingcang di satu sudut.

"Ia jadi semakin hangat apabila dijadikan berita di dalam akaun Facebook pencinta haiwan lain dengan memaparkan kami sebagai pertubuhan yang berdaftar untuk membanteras anjing dengan cara kejam," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Seksyen U12 semalam.

Sehubungan itu, Muhammad Fathi berharap posting dan gambar berkenaan itu dipadam atau kesemua 15 peniaga di kawasan itu mengambil tindakan undang-undang.

"Insiden itu tidak sepatutnya disensasikan menunjukkan seolah-olah kami adalah gerila dengan menggunakan kekerasan kepada anjing," jelasnya.

Sementara itu, Muhd. Zikri menzahirkan rasa syukur dibantu para peniaga dalam serangan haiwan itu selain menghantarnya segera mendapatkan rawatan di sebuah hospital.

"Saya harap perkara ini tidak berlaku lagi kepada orang lain," katanya.



So one of our volunteers has been feeding and taking care of the dogs in Shah Alam in the area where the recently formed anti-dog guerilla group had arranged for their capture. Apparently this turn of events came about after a new shop was opened there. A couple of puppies from the area found homes through our adoption drive and our disabled doggo Meenu was also rescued there as a pup. The dogs there have also been neutered and some of them rehomed. One dog had also been found poisoned there not long ago which our volunteer buried. They are tame and hence the allegation that they chased a man resulting in his forehead becoming injured holds no water.



Dalam siri serangan anjing tersebut. Menurut Team

TANGKAP layar Facebook satu kumpulan pencinta haiwan yang didakwa menimbulkan fitnah kepada peniaga di Shah Alam semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
12 January 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	RM1.63 juta dibelanja baiki jalan di Klang tahun lalu
Muka Surat	:	14

RM1.63 juta dibelanja baiki jalan di Klang tahun lalu

KLANG – Sebanyak RM1.63 juta yang telah dibelanjakan Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi membaiki jalan-jalan di daerah Klang tahun lalu.

Yang Dipertua MPK, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin bagaimanapun berkata, kos itu berkurangan berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak RM1.65 juta.

“Sebanyak 429 kerja turapan yang telah dijalankan tahun lalu di jalan-jalan yang diselenggara MPK.

“Kita cuba buat yang terbaik untuk memastikan jalan yang diselenggara MPK berada dalam keadaan baik,” katanya selepas Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis MPK 2021 di ibu pejabat MPK di sini baru-baru ini.

Menurutnya, MPK sedang melakukan pelbagai usaha bagi membaiki jalan rosak dan berlubang termasuk akan menjalin kerjasama dengan beberapa universiti selain menjalankan kajian terhadap jumlah kenderaan yang melalui sesebuah jalan untuk mengenal pasti sama ada laluan itu perlu dinaik taraf.

“Kita tidak boleh menghalang kenderaan daripada keluar masuk dari Klang yang merupakan salah sebuah kawasan perindustrian yang terbesar di Selangor.

“MPK akan memperkasakan lagi pasukan khas yang terlibat



GAMBAR fail menunjukkan keadaan jalan raya berlubang di sekitar Klang sebelum ini. – ZULFADHLI ZAKI



KERATAN Kosmo! 7 Januari 2021.

dalam isu kerosakan jalan supaya mereka boleh bertindak lebih efisien berdasarkan aduan yang diterima,” katanya.

Kosmo! pada 7 Januari lalu melaporkan, polis Selangor

mendedahkan sebanyak 148 kes kemalangan maut direkodkan berpunca daripada keadaan fizikal jalan raya yang tidak sempurna termasuk jalan berlubang dan rosak sepanjang tahun 2018 hingga 2020.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Selangor, Superintendan Azman Shari'at berkata, jumlah itu direkodkan daripada 222 kes kemalangan yang berlaku di negeri itu dalam tempoh tersebut dengan penggunaan motosikal paling ramai terbunuh seramai 116 orang.



KERATAN AKHBAR
12 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan negeri unding semula dengan penjaja
Muka Surat	:	15

Kerajaan negeri runding semula dengan penjaja

SUNGAI BESAR - Kerajaan Selangor perlu mengadakan rundingan semula dengan penjaja di Bulatan Puchong Permai bagi menempatkan mereka di lokasi perniagaan baharu iaitu di struktur berbumbung Dataran Puchong Permai.

ROBOH GERAI

Menteri Besarnya, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, penjelasan mengenai perkara itu termasuk perancangan pembangunan perlu diterangkan dengan lebih lanjut.

Menurutnya, rundingan memindahkan penjaja di kawasan itu sudah bermula sejak 2019 lagi.

“Penjaja yang berniaga di sana perlu berpindah kerana kita telah menyediakan tapak lebih sesuai,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Dataran Patriotik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam di sini pada Isnin.

Amirudin kesal apabila terdapat pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan mempolitikkan isu perobohan gerai oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

“Ada yang mahu menghalang kemajuan dan pembangunan sedangkan tapak dan kawasan sudah siap,” katanya.

Mengenai kenyataan Pengerusi UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar yang mencabar beliau untuk berdialog berhubung tindakan perobohan gerai terbabit, Amirudin berkata, beliau bersedia berjumpa dengan Noh.

“Setakat ini tiada perjumpaan pun. Kalau beliau (Noh) hendak jumpa saya tiada masalah,” katanya.

Sinar Harian pada 28 Disember tahun lalu melaporkan penjaja berhampiran Bulatan Puchong Permai berharap agar MBSJ dapat memberi pertimbangan untuk tidak merobohkan gerai mereka dalam masa terdekat.

Difahamkan, penjaja terlibat memohon penangguhan itu selepas MBSJ melaksanakan operasi perobohan melibatkan 43 gerai di kawasan itu pada Isnin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor peruntuk hingga 5 juta dos vaksin
Muka Surat	:	15

Selangor peruntuk hingga 5 juta dos vaksin

Pastikan kesihatan rakyat terus terjamin, bekalan vaksin Covid-19 mencukupi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR

Kerajaan Selangor merancang memperuntukkan sebanyak 3 hingga 5 juta dos pembelian vaksin Covid-19 bagi membolehkan penularan virus dikawal sekali gus memutuskan rangkaian jangkitan.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan kerajaan Persekutuan selain membawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Rabu ini.

“Saya sedang usahakan sejak minggu lalu dan akan muktamadkan apabila semua urusan selesai,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Dataran Patriotik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, langkah itu bagi memastikan kesihatan rakyat negeri ini terus



Amirudin (tiga dari kiri) pada Majlis Perasmian Dataran Patriotik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam di Sungai Besar pada Isnin.

terjamin selain memastikan bekalan vaksin Covid-19 mencukupi.

“Selangor perlu membeli (vaksin Covid-19) kerana membabitkan ramai pekerja industri industri termasuk pekerja asing.

“Setakat ini, vaksin Covid-19 disediakan kepada warganegara (namun) pekerja asing juga perlu membeli vaksin terbabit,” katanya.

Mengenai langkah kerajaan Selangor berikutan mencatatkan jumlah kes Covid-19 harian tertinggi, Amirudin berkata, pihaknya telah mengadakan mesyuarat dengan Majlis Keselamatan Negeri pada minggu lalu.

Katanya, beberapa perancangan dan pelan tertentu masih dalam tindakan, namun sebahagiannya perlu mendapatkan kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Kita akan cuba membantu MKN kerana ketika ini suasana berbeza memandangkan Selangor dan beberapa negeri mencatatkan kes tertinggi terutama membabitkan pekerja kilang dalam kalangan warga asing.

“Sebelum ini mereka (pekerja asing) tidak disaring, apabila Selangor antara negeri mewajibkan pekerja asing disaring, akhirnya kita mendapat kes tinggi,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tujuh wajah baharu angkat sumpah ahli majlis MDHS
Muka Surat	:	15

Tujuh wajah baharu angkat sumpah ahli majlis MDHS

HULU SELANGOR - Tujuh muka baharu antara 18 ahli majlis yang mengangkat sumpah jawatan itu di Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) pada Isnin.

Mereka yang dilantik oleh kerajaan Selangor bagi mengisi kekosongan jawatan ditinggalkan penyandang terdahulu itu termasuk Muhammad Dzul Hilmi Zainol daripada parti PKR, J Marina (PKR), Muhammad Syafiq Zazali (PKR), Law Suet Peng (DAP), S Chiniah (DAP), Yong Chan Hee (DAP) dan A Durai Anbalagan. (Amanah).

Yang Dipertua MDHS, Dr Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, seramai 11 lagi ahli majlis yang mengangkat sumpah bagi penggal 2021-2022 pada Isnin merupakan penyandang yang dilantik semula termasuk Orang Besar Daerah.

Menurutnya, barisan ahli majlis yang dilantik berkuat kuasa 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022 terdiri daripada beberapa komposisi iaitu satu Orang Besar Daerah, tujuh daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), enam



LAW SUET PENG

ZUL HELMI

YONG CHAN HEE

A DURAI



MARINA

CHINIAH

MUHAMMAD SYAFIQ

(DAP) dan empat (Amanah).

“Besarnya harapan saya supaya ahli majlis bagi penggal baharu ini meneruskan kecemerlangan dan memikul tanggungjawab diamanahkan dengan penuh komited, tanggungjawab, telus dan berin-

tegriti. Lupakanlah sengkata dan perbezaan fahaman politik.

“Sebagai sebahagian daripada komponen pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT), ahli majlis juga merupakan penggubal dasar dan memainkan peran-

Senarai ahli majlis MDHS yang dilantik semula

1. Raja Datuk Muzaffar Raja Redzwa (Orang Besar Daerah)
2. Lee Meng Wai (PKR)
3. A Kanagaraja (PKR)
4. Law Chun Yoong (PKR)
5. Arabiah Salleh (PKR)
6. S Murali (DAP)
7. Saripah Bakar (DAP)
8. Tan Lai Zhen (DAP)
9. Husna Mohd Amran (Amanah)
10. Rohani Yusof (Amanah)
11. Abdul Mun'im Roslin (Amanah)

an cukup signifikan dalam membentuk kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah Ahli Majlis MDHS di Dewan Mesyuarat MDHS.

Turut hadir Setiausaha MDHS, Awaluddin Zakaria.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	1,000 sertai acara jalan kaki maya
Muka Surat	:	21

1,000 sertai acara jalan kaki maya

MSU Shah Alam Heritage Walk 2021 jelajah 17 bangunan ikonik

Seramai 1,000 pelajar dan alumni SHCA telah menyertai program 'MSU Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition 2021' secara maya pada 4 hingga 6 Januari lalu.

Program anjuran Management and Science University (MSU) melalui School of Hospitality and Creative Arts (SHCA) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Tourism Selangor itu merupakan sebahagian daripada inisiatif dalam memperkasa kerjasama pintar antara institusi pengajian tinggi dan pihak berkuasa tempatan.

Program tersebut diharap dapat menerapkan kesedaran budaya serta mempromosikan keunikan 17 mercu tanda Bandaraya Shah Alam dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Hadir sama pada majlis penutup MSU Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition 2021 di MSU Rabu lalu, Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri



Penyerahan sumbangan oleh Dekan SHCA, Azrul Jamaludin (paling kiri) kepada Naib Presiden Kanan Endowmen & Komunikasi mewakili Yayasan MSU, Datuk Rosli Yusof (paling kanan). Hadir sama Mohd Shukri (tengah), Haris (dua dari kiri) serta Azrul Shah.

Ab. Yajid: Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim dan Pengurus Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad.

Program seumpama itu pernah

diadakan sebelum ini, melibatkan penganjuran 'MSU Kuala Lumpur Heritage Walk (2018)' dan 'Royal Klang Town Heritage Walk (2020).'

Ia melibatkan aktiviti berjalan kaki yang diketuai oleh pemandu pelancong terlatih, menyelusuri perhentian-perhentian yang terdiri daripada bangunan-bangunan warisan yang masih kekal strukturnya dan mempunyai nilai sejarah menarik.

Pun begitu, kesan penularan pandemik Covid-19 menyebabkan 'MSU Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition 2021' diadakan dalam norma baharu secara maya.

Antara perhentian-perhentian ikonik yang terlibat ialah Muzium Sultan Alam Shah, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dan Makam Diraja Shah Alam.

Bangunan ikonik lain termasuk Perpustakaan Awam Raja Tun Uda, Bangunan Galeri Shah Alam, Teater Diraja Shah Alam, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Taman Botanical Shah Alam.

Dalam program sama, SHCA menyerahkan sumbangan RM15,000 kepada Yayasan MSU.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
